

# Pertandingan ROTI JALA JELITA JALUR GEMILANG GALA

**Tarikh :** 14 September 2025 (Ahad)

**Masa :** 4 petang – 6 petang

**Call time (di khemah RASA):** 3 petang

**Tempat :** Pentas di Marquee Tent Jabatan Warisan @ Festival Budaya Malaysia

**Hadiah Tunai :**

- **Pertama :** RM1,000
- **Kedua :** RM700
- **Ketiga :** RM500
- **Saguhati :** Goodie bags

**Syarat Penyertaan:**

1. Terbuka kepada **warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.**
2. Terbuka kepada peserta individu sahaja – **bukan kumpulan.**
3. Peserta wajib menyediakan **Roti Jala bertema Jalur Gemilang** dari segi warna, bentuk atau susunan.
4. Persembahan roti jala mestilah disiapkan dalam **saiz minimum 60 cm x 60 cm.**
5. Roti Jala perlu dihidang dalam **bekas lut sinar** (contoh: acrylic box, bekas plastik jernih, kaca) supaya juri dapat menilai dengan jelas.
6. **Karya Roti Jala Jelita mesti kelihatan kemas, bersih dan kreatif.**
7. Peserta juga wajib menyediakan **kuah kari sebagai pelengkap hidangan.**
8. **Semua peserta wajib memakai pakaian tradisional Malaysia** semasa sesi penilaian.
9. **Peserta diberikan masa 3 minit untuk menjelaskan kepada juri di atas pentas tentang rekaan Roti Jala Jelita**
10. Peserta perlu menyerahkan hasil Roti Jala kepada pihak penganjur **selepas penilaian selesai** untuk tujuan **edaran percuma kepada pengunjung festival.**
11. Semua penyediaan dan hiasan perlu **disiapkan lebih awal dari rumah**, dan hanya sentuhan akhir dibenarkan di tapak acara.
12. Pihak penganjur **tidak menyediakan kemudahan dapur/masakan**, hanya ruang pameran.
13. Penilaian akan dibuat berdasarkan:
  - Kreativiti tema Jalur Gemilang
  - Warna & kemasan persembahan
  - Rasa dan aroma roti jala & kuah kari
  - Kebersihan dan susun atur hidangan
  - Penampilan peserta (pakaian tradisional)
14. Peserta wajib hadir **1 jam sebelum waktu pertandingan** untuk sesi taklimat & penyusunan tapak.
15. Keputusan juri adalah **muktamad.**

# Pertandingan ROTI CANAI MELAYANG

**Tarikh :** 15 September 2025 ( Isnin )

**Masa :** 4 petang – 6 petang

**Call time (di khemah RASA):** 3 petang

**Tempat :** Pentas di Marquee Tent Jabatan Warisan @ Festival Budaya Malaysia

**Hadiah Tunai :**

- **Pertama :** RM300
- **Kedua :** RM200
- **Ketiga :** RM100
- **Saguhati :** Goodie bags

**Syarat Penyertaan :**

1. **Warganegara Malaysia** berumur **18 tahun ke atas**.
2. Terbuka kepada **amatur & semi-profesional** sahaja (bukan chef hotel/restoran profesional).
3. Setiap peserta hanya boleh mewakili **diri sendiri**, bukan organisasi atau pasukan.
4. Peserta perlu menunjukkan **kemahiran melempar/terbangkan doh roti canai** secara kreatif & menghiburkan.
5. **Doh asas akan disediakan oleh pihak penganjur.** Peserta hanya bawa diri & gaya!
6. Peserta dikehendaki memakai **pakaian bersih & sesuai** (baju T & apron akan diberikan oleh penganjur).
7. Penyertaan adalah **terhad kepada 10 lelaki & 10 wanita sahaja**, berdasarkan siapa cepat dia dapat (first come first serve).
8. Semua peserta wajib hadir ke sesi taklimat ringkas **30 minit sebelum pertandingan bermula**.
9. Markah akan dinilai berdasarkan:
  - Gaya & teknik 'melayang'
  - Kreativiti persembahan
  - Kebersihan & kawalan doh
  - Sorakan & interaksi penonton
10. Keputusan juri adalah **muktamad**. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

## Pertandingan TEH TARIK KING & QUEEN OKI

**Tarikh :** 16 September 2025 ( Isnin )

**Masa :** 2 petang -4 petang

**Call time (di khemah RASA) :** 1 petang

**Tempat :** Pentas di Marquee Tent Jabatan Warisan @ Festival Budaya Malaysia

### Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada **warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.**
2. Peserta **tidak boleh** merupakan barista profesional dari kafe/restoran berdaftar.
3. Setiap peserta perlu menunjukkan **kemahiran ‘menarik’ teh secara kreatif, bersih & bertenaga.**
4. Peserta boleh menggunakan **gaya dan berpakaian tradisional** untuk menambah nilai persembahan, selagi tidak keterlaluan atau menyinggung.
5. Semua **bahan disediakan oleh pihak penganjur.**
6. Peserta **tidak dibenarkan** membawa bahan/minuman sendiri.
7. Wajib hadir ke sesi taklimat & undian giliran **sejam sebelum pertandingan bermula.**
8. **Jumlah penyertaan terhad** – penyertaan adalah berdasarkan siapa daftar dahulu.
9. **Penilaian juri berdasarkan:**
  - o Teknik & ketinggian tarik
  - o Konsistensi buih
  - o Persembahan (gaya & hiburan)
  - o Kebersihan & kekemasan
10. Keputusan juri adalah **muktamad** dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

### Kategori Pemenang:

- **Teh Tarik King OKI (Lelaki Terbaik)**
- **Teh Tarik Queen OKI (Wanita Terbaik)**

**\*Sila patuhi masa kehadiran (call time) Jika tidak dapat hadir, sila maklumkan kepada urusetia seawal mungkin**

**\*Peserta yang terpilih akan dihubungi oleh urusetia pertandingan**